

PM syukur Nik Aziz makin pulih

BH - 26/7/2004: 2 Perdana

Oleh Ridzuan Yop dan Veena Rusli

SUBANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersyukur dengan kesihatan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang dilaporkan semakin pulih selepas diserang penyakit jantung, Khamis lalu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus menyediakan segala kemudahan rawatan yang diperlukan Mursyidul Am Pas itu.

"Saya diberitahu sebaik saja Datuk Nik Aziz dimasukkan ke hospital dan (Timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Najib (Razak) pun ada pergi melawat beliau dan menyampaikan salam saya.

"Saya amat gembira dan bersyukur bahawa sekarang Datuk Nik Aziz nampaknya sudah semakin pulih selepas (koronari) angioplasti dilakukan ke atas beliau. Kita akan terus memberi apa juga kemudahan rawatan yang diperlukan beliau," katanya setelah tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari


London selepas melakukan lawatan kerja ke Amerika Syarikat, Perancis dan Britain, di sini, semalam.

Najib adalah antara kira-kira 200 orang yang menyambut kepulangan Abdullah.

Nik Abdul Aziz berada dalam keadaan kritikal ketika dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pakar Perdana di Kota Bharu selepas mengadu sesak nafas dan sakit dada, awal Khamis lalu.

Beliau yang disahkan diserang sakit jantung teruk dan dirawat empat pakar dari Institut Jantung Negara (IJN), dipindahkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian keesokannya bagi menjalani rawatan prosedur koronari angioplasti bagi memulihkan saluran darah yang tersumbat di kanan jantungnya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan perlu dipertingkatkan, selaras tuntutan negara meningkat maju seperti Malaysia serta mampu menarik graduan tempatan di luar



ABDULLAH diiringi Najib dikalungkan bunga sejurus tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang, semalam, selepas melakukan lawatan kerja ke Amerika Syarikat, Perancis dan Britain. - Gambar Bernama

negara pulang ke tanah air.

Katanya, langkah itu juga boleh mendorong rakyat tempatan mencipta teknologi baru dalam pelbagai bidang, sekali gus mampu mengurangkan pergantungan terhadap teknologi luar.

"Kita mahu kemudahan R&D yang ada di negara maju turut dimiliki di sini, terutama dalam keadaan kita mahu mewujudkan teknologi kita sendiri daripada memakai teknologi negara lain.

"Ini penting sebab sebagai sebuah negara yang ingin maju, kita mesti ber-

usaha dengan kemampuan dan kebolehan rakyat kita untuk mencipta teknologi baru dalam pelbagai bidang.

"Kita bukan saja mahu mereka berkhidmat dalam R&D tetapi juga bekerja di mana saja. Mereka akui keadaan di negara ini bertambah baik dan mereka sudah lama di luar dan bila balik ke Malaysia mereka tengok kemudahan sudah bertambah baik," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan akan meyakinkan graduan Malaysia yang kini berkhidmat di seluruh dunia bahawa kemudahan di tanah air sendiri mencukupi bagi memenuhi keperluan

mereka, termasuk dari segi R&D.

Ketika di London kelmarin, Perdana Menteri mengumumkan tiga strategi bagi memikat graduan Malaysia yang kini bekerja di luar negara, supaya pulang berkhidmat di negara sendiri.

Tiga langkah itu membabitkan usaha berterusan meningkatkan kemudahan R&D, memperbaiki imbuhan dan insentif supaya setanding dengan tawaran negara lain serta memperbaiki syarat dan kontrak supaya tidak menjadi penghadang hasrat mereka kembali berkhidmat di tanah air.